

UNDANG-UNDANG PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HAIWAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU 1911-1941

Firdaus Fadzizi
Mohd Shazwan Mokhtar*

Abstrak

Artikel ini meneroka bidang sejarah alam sekitar di Malaysia ketika era kolonial yang sering terbatas dalam wacana politik dan sosial. Pengenalan undang-undang pertama berkaitan perlindungan haiwan pada tahun 1911 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) oleh British menunjukkan wujudnya kepentingan zoologi dalam pentadbiran kolonial. Pada peringkat NNMB, undang-undang tersebut digunakan untuk mengawal aktiviti pemburuan haiwan oleh pemburu Eropah. Walau bagaimanapun, tiada kajian jelas yang menghubungkan kait kepentingan wujudnya pentadbiran kolonial berkaitan zoologi dengan aktiviti pemburuan di haiwan NNMB. Oleh itu, kajian ini meneliti pembentukan undang-undang berkaitan zoologi kolonial dan pengaruhnya terhadap aktiviti pemburuan haiwan. Penelitian ini dapat membuktikan kepentingan pengetahuan zoologi di NNMB terhadap kolonialisme British di Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dalam membina pengetahuan zoologi era kolonial di NNMB. Justeru, rekod CO 576, 717, Sel. Sect. dan HCO digunakan bagi membuktikan pembentukan undang-undang dan pentadbiran zoologi kolonial. Hasil kajian mendapati perlindungan haiwan liar dikawal melalui Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1911, Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1921 dan 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1925'. Kepentingan pentadbiran perlindungan haiwan liar di NNMB adalah untuk mengawal aktiviti pemburuan Eropah seperti 'Big Game', 'Rare Birds', 'Deer' dan anggota haiwan dijadikan hadiah kepada orang kenamaan Eropah.

Kata Kunci: *Enakmen, Pemeliharaan, Pemuliharaan, biodiversiti, zoologi,*

* Firdaus Fadzizi ialah pelajar pasca siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Mohd Shazwan Mokhtar ialah Pensyarah Kanan, Program Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstract

This article explores the field of environmental history in Malaysia during the colonial era, which has often been limited to political and social discourse. The introduction of the first legislation related to animal protection in 1911 in the Federated Malay States (FMS) by the British reflects the significance of zoology within colonial administration. At the FMS level, this law was used to regulate hunting activities by European hunters. However, there is no clear study that connects the importance of colonial zoological administration with hunting activities involving animals in the FMS. Therefore, this study examines the establishment of colonial zoological laws and their influence on animal hunting activities. This investigation aims to demonstrate the importance of zoological knowledge in the FMS to British colonialism in Malaya. Accordingly, this research employs historical research methods to construct an understanding of colonial-era zoological knowledge in the FMS. Hence, records such as CO 576, 717, Sel. Sect., and HCO are used to provide evidence of the formation of zoological laws and colonial administration. The findings reveal that wildlife protection was regulated through the Wild Animals and Birds Protection Enactment of 1911, the 1921 Enactment, and the 1925 Enactment. The importance of the wildlife protection administration in the FMS was to control European hunting activities involving “Big Game,” “Rare Birds,” “Deer,” and the use of animal parts as gifts for European dignitaries.

Keywords: *Enactment, Preservation, Conservation, Biodiversity, Zoology,*

PENGENALAN

Sejarah berkaitan haiwan di Tanah Melayu khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kurang diberikan perhatian oleh para sarjana walhal peranan haiwan memainkan pengaruh yang signifikan dalam sosioekonomi kolonial di Tanah Melayu yang mana haiwan dikaitkan dengan hobi memburu, penyelidikan dan menjadikan anggota badan haiwan liar sebagai hadiah kepada masyarakat eropah yang berkedudukan tinggi dan berjawatan. Hutan hujan tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang beriklim panas dan lembab sepanjang tahun telah menjadikan habitat ini kaya dengan hidupan liar tropika yang eksotik. Justeru itu, pegawai-pegawai British dan pemburu Eropah mula meneroka hutan bagi mengenali habitat haiwan dan menjadikannya sebagai koleksi haiwan hidup bagi taman zoologi di London.¹ Aktiviti mengumpul spesis-spesis haiwan bernilai tinggi Negeri-Negeri Melayu telah menarik minat pemburu-pemburu profesional.² Haiwan yang jarang ditemui di Eropah

1 Garden of the Zoological Society of London merupakan tempat pengumpulan haiwan-haiwan yang dijumpai di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ditempatkan untuk penyelidikan dan pameran.

2 Haiwan bernilai tinggi yang menjadi sasaran memburu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah badak raya, badak gajah, badak sumbu, seladang dan tapir.

diserahkan kepada jabatan muzium untuk tujuan penyelidikan anatomi, biologi dan ekologi manakala haiwan yang mudah dijinakkan akan menjadi haiwan peliharaan. Haiwan yang berjaya dikumpul oleh pemburu Eropah akan dijual melalui 'Crown agent' kepada muzium-muzium di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.³ Aktiviti pengumpulan dan penyelidikan zoologi yang sebahagian dari peranan muzium menyebabkan spesies haiwan akan dikatalog atau diterbitkan dalam jurnal untuk perkembangan ilmu berkaitan zoologi. Selain itu, bagi mempelbagai spesies haiwan di muzium menyebabkan berlakunya pertukaran haiwan dengan muzium dari negara Amerika Syarikat, muzium empayar India di Calcutta, muzium Raffles di Singapura dan insitusi pengumpulan spesimen haiwan iaitu *Garden of the Zoological Society of London*.

Bagi pengumpulan haiwan dengan tujuan penyerahan kepada muzium ianya dikelompok kepada mamalia, burung dan reptilia yang mana haiwan yang dijumpai di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pernah dijual kepada muzium sejarah semula jadi, Kengsington Selatan sebagaimana persetujuan oleh pentadbiran muzium British.⁴ Kelompok haiwan mamalia dan reptilia merupakan haiwan-haiwan pemangsa seperti buaya, harimau, harimau bintang, harimau kumbang, beruang dan ular sawa sebagai mana termaktub dalam rekod polis dan jenayah. Haiwan tersebut disenaraikan sebagai antara punca kematian dan kehilangan penduduk.⁵ Justeru itu, ganjaran berbentuk wang akan diberikan kepada pemburu yang berjaya menangkap haiwan tersebut. Serangan haiwan pemangsa yang mematikan ketika terancam tidak menjadi penghalang kepada hobi memburu Residen British dan pemburu Eropah. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan senjata api moden oleh pemburu Eropah semasa memburu telah meningkatkan kejayaan mengumpul haiwan pemangsa berbanding penduduk tempatan yang menggunakan senjata dan peralatan bersifat tradisional iaitu lembing dan sumpit sebagai peralatan menangkap haiwan. Perbezaan penggunaan senjata tersebut menyebabkan memburu menjadi hobi pemburu profesional bagi mendapatkan haiwan pemangsa dan meneroka kepelbagaian kehidupan fauna. Bagi mengawal pemburuan haiwan secara haram dalam kalangan pemburu, pentadbiran kolonial khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah menggubal beberapa undang-undang pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar antaranya melalui '*Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung*'.⁶ Oleh itu, artikel ini akan mengulas dengan lebih lanjut berkenaan Undang-Undang Pemeliharaan dan Pemuliharaan Haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Undang-Undang Pemeliharaan Haiwan.

Beberapa undang-undang berkaitan pemeliharaan haiwan telah digubal di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu antaranya '*Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911*',

-
- 3 'Crown agent' merupakan orang tengah dalam menguruskan pentadbiran dan ekonomi kolonial di tanah jajahan termasuklah dalam urusan pembelian haiwan.
 - 4 Haiwan mamalia yang dikumpul melalui aktiviti memburu Residen British dan pemburu eropah seperti harimau, rusa, gajah, seladang dan Siamang. Antara burung yang dijerat bagi tujuan pengumpulan ialah burung Sang Serok Rimba, dan terdapat sepsis burung yang unik ditemui seperti burung rajawali, burung raja laut dan 'dubious'. Pengumpulan haiwan mengikut kelompok reptilia ialah seperti ular, buaya dan biawak.
 - 5 C.O. 576/6 Federated Malay States, Annual Report for the Year 1919, (PTSL MF 304 Gul. 6)
 - 6 C.O. 576/11 Federated Malay States, Report on the Police Force the Year 1913, (PTSL MF 304 Gul 11).

‘Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung 1921’ dan ‘Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung 1925’ bertujuan mengawal aktiviti pemburuan haram serta melindungi populasi dan ekosistem haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Undang-undang pemeliharaan ini merangkumi larangan memburu tanpa lesen, penghadan jumlah tangkapan pemburuan, penetapan musim memburu dan larangan memburu spesis terancam antaranya badak sumbu dan seladang.⁷ Penguatkuasaan dan penggubalan undang-undang pemeliharaan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan. Melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan setiap jenis undang-undang kebiasaannya diusulkan oleh Residen dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan. Pada tahun 1911 sebuah undang-undang tentang haiwan pertama kali diluluskan iaitu,⁸

This Enactment has been introduced in order to extend the protection given to wild animals and birds of the Federated Malay States. Pahang had formerly no legislation dealing with the matter, so it was proposed to extend the protection given by the Enactments in force in Perak, Selangor and Negeri Sembilan to the state Pahang. The Present Bill is a Federal Bill and extends to all States. With regard to the States of Perak, Selangor and Negeri Sembilan no particular alteration is made in the formerly existing law. There has been some rearrangement, the offences have been gathered together; but that would have no effect so far as the principle of the Enactment was concerned. It come into force in each state on a date that the Resident, with approval if the Chief Secretary, shall appoint by notification in the Gazette.⁹

Enakmen perlindungan haiwan dan burung pada tahun 1911 merupakan undang-undang perlindungan haiwan yang pertama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang memperuntukkan dan menerangkan beberapa terma antaranya ‘*Big game*’¹⁰ ialah aktiviti memburu dengan mengambil atau membunuh haiwan dalam jadual kedua menggunakan sumpit atau pistol.¹¹ Rusa (deer) bermaksud menembak spesis haiwan yang termasuk dalam jadual ketiga manakala ‘*Rare birds*’ ialah spesis burung yang tidak banyak didapati di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.¹² Justeru itu, bagi mengawal ancaman kemusnahan habitat haiwan

7 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.

8 Secretariat Selangor 757/1931, Memorandum by the British Resident, Pahang Regarding of the Wild Animals and Birds Protection Enactment, together with those of the Rules, Regulations and Orders Thereunder. (ANM 1957/0271219)

9 Pceeding of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1911: The Wild Animals and Birds Protection Enactment 1911. (PTSL MF 103 Gul 1.)

10 Lesen memburu haiwan mengikut kelas (a) ialah ‘big game’ (b) ialah ‘deer’, (c) ‘deer and game bird’ dan (d) ialah ‘game birds’. Haiwan bagi lesen ‘big game’ ialah gajah, seladang, badak sumbu, badak raya badak gajah, badak kerbau, badak himpit, badak tampong dan badak terenok. Manakala haiwan bagi kelas lesen (b) ‘deer’ ialah kijang, kambing gurun, kambing hutan, kambing burun, kambing gunung, kambing gua dan kambing bukit. Bagi kelas lesen (c) ‘deer and game bird’ ialah semua haiwan dalam kelas lesen (b) dan semua jenis burung. Tujuan pengelasan lesen memburu ialah memelihara fauna di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu agar haiwan yang diancam kepupusan tidak dijadikan sasaran. Namun begitu, kawalan bagi lesen kelas (a) ‘big game’ dikawal kerana sering dijadikan sasaran pemburu untuk tujuan komersial.

11 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.

12 Jadual ketiga merujuk kepada haiwan rusa, kijang atau menjangan, kambing gunung, kambing hutan, kambing burun, kambing gunung, kambing gua dan kambing bukit.

melalui permainan memburu ‘*big game*’ Ketua Setiausaha Kerajaan bertindak mengemukakan undang-undang dan meluluskan pemeliharaan fauna sebagaimana dicadangkan oleh Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Majlis Mesyuarat Persekutuan sebelum digazetkan.¹³

Arahan terhadap pemeliharaan haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan mengikut tahun seperti terkandung dalam ‘Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911’, ‘Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1921’, dan ‘Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925’. Enakmen tersebut mengandungi tempoh musim memburu sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan bertujuan mengawal populasi fauna. Aktiviti menembak dan menjerut haiwan dapat dikawal melalui larangan memburu pada musim pembiakan haiwan mamalia, burung dan reptilia.¹⁴ Penutupan musim memburu bertujuan memastikan habitat haiwan tidak mengalami kepupusan setelah tarikan memburu melalui ‘*Big Game*’ menyebabkan pemburu professional meneroka hujan tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi mengumpul pelbagai habitat fauna yang unik dan sukar dijumpai di Eropah.¹⁵

Pengkelasan Haiwan Mengikut Jadual.

Berdasarkan undang-undang yang dinyatakan sebelum ini, spesis haiwan telah diklasifikasikan mengikut kategori jadual atau kelas lesen memburu bagi tujuan mengawal dan melindungi habitat haiwan yang terancam. Pengkelasan ini sentiasa berubah mengikut tahun dimana ianya bergantung kepada bilangan haiwan yang wujud dan tahap kepupusan habitan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Justeru itu, setiap Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diberikan kuasa untuk memelihara spesis haiwan yang diancam kepupusan, khususnya apabila populasi haiwan tersebut didapati semakin berkurangan dan sering menjadi sasaran perdagangan haram. Antara haiwan yang dilindungi termasuklah badak sumbu, tapir dan seladang yang terancam akibat pemburuan dan kemusnahan habitat. Haiwan-Haiwan ini dilindungi dengan mengkelaskan dalam jadual kedua di bawah Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung.¹⁶ Lantaran itu pada tahun 1926, Residen Perak iaitu, Cecil William Chase Parr telah menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 9 undang-undang perlindungan haiwan liar dan burung dengan mengeluarkan larangan memburu bagi haiwan yang terdapat dalam pengkelasan kedua. Tindakan tersebut dilakukan setelah beliau mendapati haiwan spesis badak sumbu, tapir dan seladang semakin berkurangan di Negeri Perak. Susulan itu, beliau mengeluarkan larangan memburu spesis-spesis tersebut di

13 Majlis Mesyuarat Persekutuan mengawal perdagangan haiwan, dan merupakan satu bentuk kawalan kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengekalkan habitat fauna sebagai sumber makanan, pengangkutan dan penyelidikan zoologi di London.

14 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.

15 C.O 717/ 104 Federated Malay States Big Game in Malaya (PTSL MF 23 Gul 104.)

16 Pengkelasan haiwan dalam jadual kedua iaitu semua spesis haiwan bagi kelas lesen memburu (a) ‘big game’ bertujuan melindungi haiwan yang diancam kepupusan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pemeliharaan haiwan dalam jadual kedua akan dilakukan dengan tindakan mengeluarkan jumlah lesen kelas (a) ‘big game’ secara terkawal. Kesalahan memburu haiwan tanpa lesen kelas (a) ‘big game’ akan dikenakan kompaun sebanyak \$500 bagi kesalahan pertama manakala bagi kesalahan berulang akan dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan atau didenda sebanyak \$600 atau kedua-duanya sekali.

kawasan Hilir Perak, yang meliputi bandar Telok Anson, kawasan utara Sungai Perak dan Sungai Kinta, serta sepanjang jalan Temoh, Bidor dan Changkat Jong. Larangan ini turut disertai dengan keputusan untuk tidak mengeluarkan sebarang lesen memburu jenis 'Big Game, bagi haiwan-haiwan yang termasuk dalam pengkelasan Jadual Kedua pada tahun 1926.¹⁷

Pemeliharaan haiwan melalui sistem pengkelasan bukan sahaja bertujuan untuk mengawal aktiviti pemburuan haram, malah turut memainkan peranan penting dalam penyelidikan saintifik. Haiwan yang dikategorikan dalam jadual perlindungan akan dihantar ke muzium di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi tujuan penyelidikan berkaitan anatomi, biologi, ekologi, dan proses pembiakannya. Antara haiwan yang dikaji termasuklah proses pembiakan badak sumbu.¹⁸ Selain itu, penemuan spesies haiwan baharu juga mendorong pihak kolonial untuk mengubah senarai spesies haiwan yang dilarang diburu. Buktinya, pada tahun 1926, Residen Selangor iaitu Theodore Samuel Adams telah mengeluarkan larangan menembak dan menjerat burung belibis '*Dendrocygnus javanicus*', itik ayer '*Nettopus coromandelianus*', dan itik angsa '*Asarcornis leucoptera*'. Tujuan larangan memburu spesies haiwan yang baru dijumpai oleh British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dilakukan untuk mengenal pasti habitat haiwan tersebut diancam kepupusan atau sebaliknya. Spesies burung tersebut kemudiannya dipelihara untuk tujuan penyelidikan lanjut bagi mengenal pasti habitat dan populasi di kawasan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sebagai langkah perlindungan awal, larangan memburu dikenakan selama dua tahun bermula pada 24 Disember 1926 sehingga 24 Disember 1928.¹⁹ Ini menunjukkan bahawa proses penyelidikan terhadap habitat haiwan akan diutamakan, dan sekiranya pihak muzium serta Residen mendapati spesies tersebut tidak lagi diancam kepupusan, maka ia akan diklasifikasikan semula. Buktinya penyelidikan zoologi berkaitan proses pembiakan burung belibis, itik ayer, dan itik angsa mendapati proses pembiakan haiwan tersebut tidak mengalami risiko kepupusan maka pengkelasan haiwan dilakukan.²⁰ Haiwan-haiwan tersebut diletakkan dalam jadual keempat dalam undang-undang perlindungan haiwan liar dan Burung.²¹ Haiwan dalam pengkelasan keempat membolehkan pemburu menjerat, dan menembak dengan syarat memiliki lesen sah yang dikeluarkan oleh 'Game Warden'.²²

Selain itu, pengkelasan haiwan mengikut jadual perlindungan haiwan dan burung liar berubah demi menjaga kepentingan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Buktinya pengkelasan gajah telah diklasifikasikan sebagai haiwan yang dilindungi di bawah Jadual

17 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.

18 *Ibid.*

19 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII.

20 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1929. July 1, 1929, No. 14, Vol XXI.

21 Jadual keempat dalam Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Luar merujuk kepada haiwan yang tidak diancam kepupusan. Tindakan memburu haiwan tersebut dibenarkan sekiranya pemburu mempunyai lesen memburu. Haiwan-haiwan dalam jadual keempat merangkumi merak, kuang rimba, ayam pegar, merak mata, ayam hutan, selanting, burung bertam, chiap-chiap, sang-serok, sang-serok bukit, puyoh, pikau, belibis, itek ayer, itek angsa, pergam, rawa, punai tanah, tekukor api, tekukor gunung, meragi dan burung liliin.

22 'Game Department, dan 'Game Warden' merujuk kepada penguatkuasaan pemeliharaan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Fungsinya ialah mengawal dan melakuan pengawasan bagi kegiatan pemburuan, dan menembak haiwan liar yang memusnahkan tanaman penduduk dan estet British.

Kedua dalam *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911, 1921, dan 1925*. Perlindungan ini berkuat kuasa dari tahun 1911 sehingga 1928, di mana pemburuan gajah hanya dibenarkan secara terkawal dan pemburuan untuk tujuan penyelidikan zoologi kolonial.²³ Namun begitu, kemusnahan estet-estet British serta harta benda penduduk, termasuk tanaman dan rumah yang rosak akibat serangan gajah liar, telah mendorong pihak British mengambil tindakan drastik. Sebagai contoh, pada bulan Mei hingga Jun 1927, Pengurus Ladang Kerajaan Sapintas di Sabak Bernam terpaksa menanggung kerugian besar apabila sebanyak 55 ekor gajah matang dan 43 ekor gajah tidak matang dilaporkan menyebabkan kemusnahan teruk terhadap ladang.²⁴ Serangan gajah liar turut berlaku di Estet Elima dan kawasan Kampung Ijok pada tahun 1929, yang akhirnya mendorong Mr. Murphy dari Estet Byram di Nibong Tebal untuk menjalankan usaha menembak gajah. Bagi melancarkan ekspedisi pemburuan itu, Muskum Orang Ka-Tua telah dihantar sebagai penunjuk arah bagi membantu memburu gajah-gajah yang telah menimbulkan kerosakan di kawasan estet dan perkampungan tersebut.²⁵

Justeru itu, demi menjaga kepentingan ekonomi kolonial dan memastikan kelangsungan hasil pertanian seperti getah dan kelapa sawit, Residen British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengarahkan agar gajah dikeluarkan daripada Jadual Kedua, sekali gus menggugurkan status perlindungannya. Perubahan pengkelasan ini membolehkan pemburuan dan penembakan gajah dilakukan tanpa lesen sekiranya haiwan tersebut dianggap mengancam keselamatan estet atau penduduk. Langkah ini jelas mengetengahkan bagaimana dasar perlindungan haiwan ketika itu bergantung kepada keutamaan pentadbiran kolonial, yang lebih menitikberatkan kestabilan dan keuntungan ekonomi berbanding pemeliharaan haiwan. Walaupun demikian, kawalan tetap dikenakan terhadap aktiviti pemburuan, di mana setiap insiden penembakan gajah perlu dilaporkan kepada '*Game Warden*' agar tidak disabitkan sebagai kesalahan pemburuan haram. Pengeluaran gajah daripada senarai perlindungan pada tahun 1929 telah melemahkan usaha pemeliharaan, apatah lagi ketika permintaan terhadap gading gajah meningkat di pasaran Eropah sebagai bahan perhiasan eksklusif bagi golongan elit. Justeru itu, pada tahun 1931 hingga 1933, pihak kolonial memasukkan semula gajah dalam Jadual Kedua di bawah *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925*, sebagai usaha memelihara gajah setelah permintaan yang tinggi terhadap gading gajah.²⁶

Seterusnya, *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung* yang digubal di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu lebih menjurus kepada kepentingan British, khususnya untuk melindungi estet-estet daripada ancaman haiwan liar seperti gajah, babi hutan, atau seladang. Namun begitu, usaha pemeliharaan haiwan juga mempunyai matlamat yang lebih luas, termasuk mengembangkan penyelidikan zoologi kolonial. Pihak British turut memberi perhatian terhadap perkembangan ilmu zoologi melalui pemeliharaan spesis haiwan yang jarang ditemui. Ini dapat dilihat melalui peruntukan kuasa kepada Residen British untuk menambah atau mengeluarkan spesis haiwan dalam pengkelasan haiwan dilindungi

23 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1929. July 1, 1929, No. 14, Vol XXI.

24 Secretariat Selangor 3737/1927, Complaint by the manager, Sapintas Government Plantation, Sabak Bernam, Damage Done by Elephants in May and June 1927. (ANM 1957/0249327).

25 Secretariat Selangor 1914/1929, Permission to Destroy One or the Whole there Remaining Elephants in the Sungai Buloh and Cheraka Reserve (ANM 1957/0258420).

26 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1931. April 17, 1931, No. 8, Vol XXI.

berdasarkan penemuan baharu. Tujuannya adalah bagi menyokong aktiviti penyelidikan saintifik dan zoologi yang dijalankan oleh muzium. Sebagai bukti, pada tahun 1908, seekor kambing gurun atau kambing gunung yang jarang ditemui telah berjaya ditangkap oleh Eric Maxwell di kawasan perbukitan sekitar Ipoh.²⁷

Penemuan dua ekor haiwan dari spesies ini dianggap penting memandangkan ia sukar dijumpai. Salah seekor daripada haiwan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi tujuan kajian dan dokumentasi. Seekor lagi pula dihantar ke *Zoological Society of London* untuk penyelidikan lanjut di pusat taman zoologi kolonial. Namun, haiwan tersebut telah mati selepas beberapa hari di pusat penyelidikan. Meskipun begitu, kulitnya telah diawet menggunakan kaedah taksidermi dan dipamerkan di muzium sebagai bahan kajian dan pendidikan kepada masyarakat.²⁸ Sekiranya haiwan yang ditangkap masih hidup, ia akan ditempatkan di zoo untuk tujuan pemerhatian dan kajian berterusan. Disebabkan jumlah sebenar kambing gurun di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu tidak dapat dikenal pasti oleh Pegawai Muzium, dan mengambil kira statusnya sebagai spesies yang sukar ditemui, maka haiwan tersebut telah dimasukkan dalam Jadual Ketiga di bawah *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar 1925*. Langkah ini menunjukkan bahawa walaupun dasar perlindungan haiwan bermula atas kepentingan penjajah, aspek pemeliharaan untuk penyelidikan zoologi kolonial turut diberi keutamaan oleh pihak British.

Kawalan Penggunaan Senjata Api.

Berikutan aktiviti pemburuan haiwan yang melibatkan penggunaan senjata api, kawalan ketat terhadap pemilikan dan penggunaan senjata api telah dilaksanakan sebagai salah satu usaha pemeliharaan spesies haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di bawah 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1925' pemburu yang gagal mematuhi peraturan kawalan senjata api boleh dikenakan denda sebanyak \$250. Sekiranya seseorang pemburu didapati mengulangi kesalahan, pihak 'Game Warden' atau 'Game Ranger' berkuasa mengenakan hukuman penjara selama tiga bulan berserta denda yang sama. Selain itu, pendaftaran senjata api dan peluru bukan sahaja bertujuan mengawal aktiviti pemburuan, tetapi juga memainkan peranan dalam pemeliharaan fauna. Hasil kutipan daripada pendaftaran lesen senjata api dan peluru serta denda yang dikenakan terhadap pesalah telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dana tersebut kemudiannya digunakan bukan hanya untuk pengurusan hidupan liar, malah membantu melindungi estet British dan tanaman penduduk daripada ancaman haiwan liar.²⁹

Dana yang diperoleh daripada sumber berkaitan hidupan liar telah digunakan untuk membantu syarikat swasta kolonial melaksanakan skim kawalan gajah di kawasan Lembah Plus, Perak.³⁰ Sebanyak \$4,000 diperlukan untuk melindungi kawasan seluas 14 batu ladang getah daripada serangan gajah, dan separuh daripada jumlah perbelanjaan tersebut dibiayai

27 C.O. 576/3, Federated Malay States, Report on the Museums Department for the Year 1908, PTSL MF 304 Gul. 4
28 Kaedah taksidermi ialah proses pengawetan haiwan yang telah mati untuk tujuan penyelidikan dan pameran.
29 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII
30 Secretariat Selangor 1751/1930 Report on the Forest Administration for the Year 1928 (ANM 2006/0265735).

menggunakan dana hasil kutipan daripada pengurusan hidupan liar. Di samping itu, peraturan berkaitan pengimportan senjata api di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu turut memperuntukkan bahawa penduduk yang bermastautin dibenarkan mengimport pistol atau senapang patah dengan syarat mereka mendaftarkan senjata api tersebut serta memperoleh lesen peluru, khususnya untuk tujuan melindungi diri dan harta benda daripada ancaman haiwan liar. Bagi individu yang tidak bermastautin, mereka juga dibenarkan mengimport senjata api melalui pendaftaran lesen, dengan syarat senjata itu digunakan bagi tujuan perlindungan daripada serangan haiwan. Selain itu, mana-mana pemburu atau warga Eropah yang ingin membawa masuk senjata api untuk aktiviti pemburuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu perlu mendapatkan permit khas yang dikeluarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sultan turut diberikan kuasa untuk menetapkan kawasan yang dibenarkan untuk memburu, jenis haiwan yang boleh diburu, serta tempoh masa kelulusan permit tersebut berkuat kuasa.³¹ Justeru itu, di bawah *Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1925*, seseorang boleh disabitkan kesalahan sekiranya menembak, membunuh, atau mengambil mana-mana haiwan tanpa memiliki lesen yang sah. Bagi haiwan kategori lesen memburu (a) ‘Big Game’ merangkumi gajah, seladang, tapir, dan badak sumbu, lesen khas diperlukan. Sementara itu, haiwan pemangsa seperti harimau, harimau bintang, dan harimau kumbang hanya boleh diburu dengan kebenaran Sultan atau pihak berkuasa pelaksana enakmen, iaitu ‘*Game Warden*’. Kebenaran ini tidak akan diberikan kepada individu yang tidak memiliki senjata api yang sah berdaftar.

Seterusnya, bagi memperkukuh usaha kawalan terhadap haiwan liar melalui aktiviti pemburuan yang sah, peraturan berkaitan penggunaan dan jenis senjata api turut diperincikan oleh pihak berkuasa kolonial. Senjata yang dibenarkan untuk aktiviti pemburuan termasuklah senapang halaju tinggi dengan laras yang berkaliber tidak kurang daripada 350.³² Selain itu, penggunaan serbuk hitam juga dibenarkan bagi senapang yang mempunyai ukuran laras tidak kurang daripada 500 kaliber, serta senapang biasa yang berkaliber 12.³³ Sekiranya pemburu gagal memiliki kelengkapan senjata api seperti yang disyaratkan bagi memburu haiwan pemangsa dan haiwan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1925, mereka boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan denda sebanyak \$500 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan berulang, pesalah boleh dijatuhi hukuman penjara selama enam bulan berserta denda sebanyak \$500. Selain itu, hukuman turut dikenakan kepada mana-mana individu yang menembak gajah dalam tempoh masa satu jam selepas matahari terbenam dan satu jam sebelum matahari terbit. Kepelbagaian jenis senjata api yang digunakan oleh pemburu Eropah telah meningkatkan hasil pemburuan, sama ada untuk tujuan

27 C.O. 576/3, Federated Malay States, Report on the Museums Department for the Year 1908, PTSL MF 304 Gul. 4

28 Kaedah teksidermi ialah proses pengawetan haiwan yang telah mati untuk tujuan penyelidikan dan pameran.

29 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII

30 Secretariat Selangor 1751/1930 Report on the Forest Administration for the Year 1928 (ANM 2006/0265735)

31 HCO 627/1938 Permits for Hunting and Trapping of Birds and Animals and Information for Importing Firearms into Malay States. (ANM 1957/0613791)

32 HCO 627/1938 Permits for Hunting and Trapping of Birds and Animals and Information for Importing Firearms into Malay States. (ANM 1957/0613791)

33 Secretariat Selangor 1831/1929 Suggested Inclusion in the Proposed revision off “The Wild Animals and Birds Protection Enactment 1925” Sections Regarding the Shooting of (ANM 1957/0259758)

UNDANG-UNDANG PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HAIWAN
DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU 1911-1941

komersial, perhiasan, hadiah kepada golongan kenamaan, mahupun sebagai lambang status sosial. Justeru, kawasan-kawasan hutan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dijadikan lapangan pemburuan bagi membuktikan kehebatan mereka dalam mendapatkan pelbagai spesies haiwan liar. Konteks tersebut menyebabkan lesen senjata api untuk tujuan pemburuan sebagai sukan dikenakan bayaran sebanyak \$5.00, manakala lesen bagi tujuan perlindungan tanaman pertanian dikenakan bayaran sebanyak \$1.00. Senjata api yang digunakan dalam kedua-dua tujuan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.³⁴

Jadual 1.0 Bilangan dan Jenis Senjata api yang dilesenkan
di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1930-1933.

Tahun Jenis Senjata	1930	1931	1932	1933
Rifles and Carbines	360	320	318	295
Single and Double Barreled	3499	3402	3417	3443
Breech-Muzzle Loading guns	-	5	3	1
Revolvers and Pistols	937	987	899	785
Air Gun	154	167	193	196
Magazine Fowling Pieces	-	1	1	1

Sumber: Sumber: Selangor Annual Report for the Year 1931, The Administration of the Police Force for the Year 1934,³⁵ Selangor Annual Report for the Year 1932,³⁶ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People for the Year 1933³⁷

Berdasarkan Jadual 1.0 senjata jenis ‘single and double-barrelled’ iaitu senapang satu laras dan dua laras merupakan senjata paling popular dalam kalangan pemburu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada tahun 1930 sehingga 1933 senjata ini mencatatkan pengeluaran permit penggunaan senjata paling tinggi berbanding senjata lain. Salah satu sebab senjata ini digemari ialah kerana reka bentuknya yang membenarkan

34 HCO 627/1938 Permits for Hunting and Trapping of Birds and Animalas and Information for Importing Firearms into Malay States. (ANM 1957/0613791).

35 The Administration of the Police Force for the Year 1934.

36 Selangor Annual Report for the Year 1932.

37 Annual Report on the Social and Economic Progress of the People for the Year 1933.

tembakkan tepat dan cepat, selain terdapat dalam pelbagai saiz lubang peluru kaliber yang sesuai untuk memburu haiwan berbahaya. Buktinya, pada tahun 1930, sebanyak 623 ekor buaya, 1 ekor harimau, dan 16 ekor harimau kumbang berjaya ditembak menggunakan senjata jenis ini. Pada tahun 1931, jumlah buaya yang ditembak meningkat kepada 1,102 ekor, dan sebanyak 11 ekor harimau kumbang turut dibunuh menggunakan senapang dua laras. Statistik ini menunjukkan betapa pentingnya peranan senjata jenis ini dalam aktiviti pemburuan yang diluluskan kerajaan kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika itu.³⁸

Selain itu, pada tahun 1932 dan 1933, jumlah permit bagi senjata api jenis laras tunggal 'single-barrelled' dan laras berkembar 'double-barrelled' yang dikeluarkan telah meningkat sebanyak 26 permit, iaitu daripada 3,417 kepada 3,443. Kebenaran penggunaan senjata ini diberikan khusus untuk tujuan memburu haiwan pemangsa. Buktinya, pada tahun 1932 pemburu berjaya menembak 962 ekor buaya, 8 ekor harimau, dan 22 ekor harimau kumbang menggunakan senjata tersebut. Manakala pada tahun 1933, sebanyak 1,092 ekor buaya, 4 ekor harimau, dan 27 ekor harimau kumbang telah berjaya ditembak menggunakan senapang yang berdaftar pada tahun berkenaan.³⁹ Justeru itu, tujuan pengeluaran permit senjata api ini bukan sahaja untuk mengawal aktiviti pemburuan haram terhadap haiwan yang dilindungi di bawah 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung' malah pendaftaran senjata api yang diimport juga dilaksanakan bagi menyokong pemburuan haiwan pemangsa secara terkawal. Hasil daripada permit penggunaan senjata api yang didaftar akan digunakan sebagai sumber dana bagi melaksanakan Skim Kawalan Gajah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Larangan Penggunaan blok garam Buatan

Larangan penggunaan '*salt lick*' atau blok garam dalam Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911, Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung 1921, serta Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925 merupakan langkah penting oleh pihak British untuk memelihara habitat haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu daripada ancaman pemburu. Ketiga-tiga enakmen ini secara jelas menetapkan larangan terhadap pemburuan menggunakan '*salt lick*' atau blok garam buatan. '*Salt lick*' merujuk kepada kawasan yang sering dikunjungi oleh haiwan liar seperti seladang, gajah, badak sumbu dan rusa untuk mendapatkan sumber mineral penting bagi kesihatan. Larangan ini dilaksanakan bagi menghalang pemburuan haram dan melindungi populasi haiwan liar daripada ancaman kepupusan. Ini kerana penggunaan blok garam buatan membolehkan pemburu menjerat haiwan dengan mudah tanpa perlu memasuki hutan. Mereka hanya perlu meletakkan blok garam sebagai umpan untuk menarik kehadiran haiwan ke kawasan terbuka, lalu menembak haiwan tersebut dengan lebih senang dan dalam jumlah yang banyak.⁴⁰ Oleh itu, penggunaan blok garam buatan dianggap sebagai satu kesalahan di bawah undang-undang pemeliharaan

38 Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the Year 1931.

39 Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the Year 1931.

40 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1925, No. 3, Vol XVIII.

haiwan, kerana ia menyalahi prinsip pemuliharaan dan membuka ruang kepada pemburuan tidak terkawal.

Selain itu, terdapat juga 'salt lick' atau kawasan garam yang terbentuk secara semula jadi. 'Salt lick' semula jadi biasanya terbentuk selepas hujan, apabila lopak air mengandungi mineral seperti garam, magnesium, sodium dan zink. Kandungan mineral ini menarik perhatian haiwan liar seperti gajah, rusa, badak sumbu dan seladang, yang sering mengunjungi kawasan tersebut untuk mendapatkan nutrien penting bagi kesihatan.⁴¹ Mineral dari garam semula jadi merupakan sumber penting untuk kelangsungan hidup haiwan liar. Namun begitu, untuk mengenal pasti lokasi 'salt lick' semula jadi, seseorang memerlukan kemahiran memburu dan pengetahuan hutan yang mendalam. Oleh itu, menembak haiwan di sekitar kawasan 'salt lick' semula jadi juga dilarang, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung. Larangan ini diperkenalkan kerana pemburu profesional sering mengambil kesempatan dengan memasang perangkap berhampiran sungai atau kawasan berair. Ini disebabkan tanah yang lembut di sekitar sumber air mudah membentuk lopak yang kaya mineral.⁴² Haiwan akan menggali dan menjilat tanah di kawasan ini kerana ia mengandungi sulfur dan kadangkala bersuhu tinggi, yang menarik minat mereka. Oleh itu, pemburuan menggunakan 'salt lick' buatan atau semula jadi adalah satu kesalahan di bawah undang-undang perlindungan haiwan yang berkuat kuasa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Bukan itu sahaja, aktiviti haiwan menjilat garam mempunyai istilah yang berbeza mengikut negeri. Sebagai contoh, kawasan yang dikenali sebagai 'salt lick' atau tempat haiwan menjilat garam dipanggil 'jenut' atau 'taram' di Pahang. Di negeri Perak dan Kedah, istilah yang digunakan ialah 'sira', manakala di Negeri Sembilan ia dikenali sebagai 'sesap' atau 'sesapan'.⁴³ Sehubungan itu, *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar 1911* telah menetapkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk membunuh rusa sambar dan gajah betina yang belum matang. Ini kerana haiwan-haiwan tersebut sering berkumpul di kawasan 'salt lick'. Malangnya, ada pemburu yang tidak bertanggungjawab memasang jerat di kawasan ini untuk memburu haiwan secara besar-besaran demi memenuhi permintaan pasaran.

Perubahan Undang-Undang Pemeliharaan Rusa.

Undang-undang berkaitan perlindungan haiwan, iaitu *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung*, telah mengalami beberapa perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa. Perubahan ini bergantung kepada keadaan habitat haiwan serta ancaman kemusnahan tanaman dan harta benda penduduk yang disebabkan oleh haiwan liar. Buktinya, *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911* telah menetapkan larangan memburu dan menembak rusa bagi tujuan pemeliharaan. Namun begitu, pada 5 Mei 1920, Residen Pahang iaitu Cecil William Chase Parr telah mengemukakan cadangan draf undang-undang bertajuk '*Big Game and Deer Enactment*'.⁴⁴ Namun begitu, usul tersebut telah ditolak oleh Ketua Setiausaha

41 Secretariat Selangor 757/1931, Memorandum by the British Resident, Pahang Regarding of the Wild Animals and Birds Protection Enactment, together with those of the Rules, Regulations and Orders Thereunder. (ANM 1957/0271219).

42 Secretariat Selangor 3377/1920, Big game and Deer Enactment. (ANM 1957/0211178).

43 Salt licks-medicine for the animals, The Straits Times 24 April, 1955.

44 Secretariat Selangor 3377/1920, Big game and Deer Enactment. (ANM 1957/0211178).

Kerajaan kerana dari sudut pentadbiran kolonial habitat rusa tidak dianggap terancam dan tidak ada keperluan mendesak untuk memberikan perlindungan khas terhadap spesis tersebut. Penolakan draf undang-undang tersebut juga bertujuan menjaga ekonomi dan perdagangan hasil buruan. Dengan tidak meluluskan undang-undang yang terlalu ketat terhadap pemburuan rusa menyebabkan aktiviti pemburuan terus dijalankan melalui sistem pelesenan. Pemburu akan dikenakan bayaran bagi mendapatkan lesen memburu rusa, dan secara tidak langsung menjadi sumber pendapatan kerajaan kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Justeru itu, berlaku perubahan undang-undang pemeliharaan rusa dimana pada tahun 1911 sehingga 1920 rusa dilindungi sepenuhnya melalui larangan memburu. Namun Begitu, perubahan undang-undang pemeliharaan rusa dapat dilihat melalui Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1921 di mana pemburuan rusa dibenarkan melalui pengeluaran lesen khas.⁴⁵

Selain itu, perubahan undang-undang pemeliharaan rusa dapat dibuktikan melalui lesen khas memburu rusa dimana ianya dibezakan melalui harga dan jumlah penangkapan yang dibenarkan. Lesen menembak rusa berharga \$5 membolehkan pemegang lesen menembak atau menjerat tiga ekor rusa dimana hanya satu rusa betina. Lesen khas memburu rusa berharga \$15 membenarkan pemburu menjerat enam ekor rusa dan menetapkan hanya dua rusa betina dijadikan hasil pemburuan. Walaupun terdapat perubahan menembak rusa menerusi lesen khas memburu rusa, namu tindakan pemeliharaan tetap dilaksanakan melalui penetapan musim memburu rusa hanya dibenarkan pada bulan Julai sehingga Disember manakala 6 bulan berikutnya iaitu Januari sehingga Jun merupakan penutupan musim memburu.⁴⁶ Selain itu, '*Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1925*' telah mengetengahkan perubahan dalam memburu haiwan. Keistimewaan yang sangat luas diberikan kepada pemburu dan penduduk di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menembak dan membunuh rusa besar dan kecil yang menyebabkan kerosakan kepada hasil tanaman.

Jumlah 2.0 Pengeluaran Lesen bagi Membunuh, Menembak dan Mengumpul Rusa dari Tahun 1922 sehingga 1928 di Pahang.⁴⁷

Tahun	Bilangan Lesen Dikeluarkan	Harga (\$)
1922	18	\$15
1923	80	\$15
1924	113	\$15
1925	184	\$15
1926	162	\$5
1927	50	\$15
	215	\$5
1928	33	\$15
	283	\$5
Jumlah Lesen	1138	

Sumber: Wanton Slaughter, The Straits Budget 18 April 1929.⁴⁸

45 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 20, 1922, No. 2, Vol XIV.

46 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII.

47 Wanton Slaughter, The Straits Budget 18 April 1929

48 Jumlah pengeluaran lesen bagi memburu rusa di Pahang dari tahun 1922 sehingga 1928 telah dinyatakan

Berdasarkan Jadual 2.0, pada tahun 1927 dan 1928 terdapat rekod penjualan dua jenis lesen pemburuan rusa kepada pemburu dan penduduk tempatan. Lesen pertama membenarkan pemburuan dan penjeratan sebanyak tiga ekor rusa dengan bayaran \$5, manakala lesen kedua membenarkan pemburuan enam ekor rusa dengan bayaran \$15. Penjualan lesen memburu dan menembak rusa di Pahang menunjukkan peningkatan setiap tahun, kecuali pada tahun 1926. Peningkatan penjualan lesen ini berkait rapat dengan persepsi terhadap rusa sebagai haiwan perosak. Haiwan ini telah menyebabkan kemusnahan besar terhadap tanaman pertanian, yang akhirnya mendorong Persatuan Penanam Getah dan Persatuan Pekebun Malaya menghantar surat rasmi kepada Jabatan Pemburuan 'Game Department'. Tujuan penghantar surat rasmi kepada 'Game Department' ialah sebagai tindakan menyuarakan kebimbangan mereka dan mencadangkan agar rusa diiktiraf sebagai haiwan perosak. Hal ini dikatakan demikian kerana, Estet Sungai Mas, seluas 150 ekar, merupakan antara kawasan yang paling terjejas akibat serangan rusa. Keadaan ini berlaku, semasa larangan memburu rusa masih dikuatkuasakan di bawah Enakmen Perlindungan Haiwan Liar 1911.⁴⁹ Impaknya serangan rusa menyebabkan estet ini mengalami kerosakan tanaman yang teruk dan akhirnya membawa kepada perubahan undang-undang memburu rusa.

Justeru itu, Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1921 serta Enakmen 1925 telah memberikan kebenaran kepada penduduk dan pemburu untuk memburu rusa, namun masalah kemusnahan hasil tanaman masih tidak dapat diatasi sepenuhnya. Perubahan terhadap dasar pemeliharaan rusa mula berlaku melalui *Enakmen 1921*, apabila pemburuan rusa dibenarkan secara terhad melalui pengeluaran lesen khas. Seterusnya, *Enakmen 1925* memperluaskan kebenaran ini dengan membenarkan pemburu dan penduduk menembak rusa tanpa had. Walaupun undang-undang ini telah dilonggarkan untuk mengatasi kemusnahan estet dan hasil tanaman disebabkan rusa ianya masih dianggap tidak berkesan untuk mengawal kerosakan yang disebabkan oleh haiwan tersebut. Buktinya, pada tahun 1927 sebanyak 47 ekar tanah tebus guna di Estet Sungai Mas musnah akibat gangguan rusa. Schubungan itu, pemilik estet terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan memagar kira-kira 50 peratus daripada kawasan ladang sebagai langkah perlindungan bagi menghalang kemasukan rusa dan mengurangkan kerosakan terhadap tanaman mereka.⁵⁰

Undang-Undang Pemuliharaan Haiwan.

Berbalik kepada perundangan berkaitan haiwan, undang-undang pemuliharaan turut dilaksanakan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi memastikan kelangsungan spesies haiwan yang baru dijumpai agar tidak terancam kepupusan. Justeru itu, insituti muzium memainkan peranan penting dalam menjalankan ekspedisi mengumpul spesies haiwan sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kajian zoologi kolonial. Setiap spesies haiwan yang baru ditemui akan dipantau dan dipulihara terlebih dahulu, sementara habitat dan

oleh ketua 'Game Department' iaitu Mr. T.R. Hubback pada 14 April 1929 menerusi keratan akhbar The Straits Budget. 'Game Departmet' bertanggungjawab dalam hal ehwal pemburu dengan mengeluarkan lesen memburu, menetapkan kawasan memburu dan menyediakan lesen penggunaan senjata bagi tujuan memburu haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

49 Wild Life Inquiry in Pahang, The Straits Times 19 February 1931.

50 *Ibid.*

pola kehidupannya dikenal pasti. Dalam kes spesies haiwan yang sukar ditemui atau belum dikenal pasti dengan tepat, Residen Negeri-negeri Melayu Bersekutu akan mengusulkan cadangan perundangan kepada Setiausaha Kerajaan untuk mempertimbangkan penggubalan undang-undang pemuliharaan. Cadangan tersebut kemudiannya digazetkan di bawah *Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung* setelah melalui proses penilaian. Langkah ini bertujuan memastikan spesies baharu dikaji secara menyeluruh bagi menentukan tahap kelangsungan hidupnya dan sama ada ia tergolong dalam kategori terancam.⁵¹ Dalam hal ini, pihak muzium memainkan peranan utama sebagai pusat penyelidikan yang menjalankan analisis terhadap ciri-ciri fisiologi haiwan, persekitaran semula jadi serta keupayaan untuk haiwan membiak. Penemuan-penemuan ini akan membantu pihak berkuasa dalam menetapkan dasar pemuliharaan yang bersesuaian dan berasaskan bukti saintifik.

Selain itu, Undang-undang pemuliharaan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu merangkumi beberapa peraturan penting, termasuk penetapan musim memburu, had kematangan haiwan yang boleh diburu, serta larangan memburu di kawasan yang berada di bawah pentadbiran *Sanitary Boards*. Undang-undang ini juga menetapkan kawalan ketat terhadap pengeluaran lesen memburu burung yang jarang ditemui atau dikenali '*rare birds*'. Justeru itu, kuasa penuh untuk meluluskan lesen memburu '*rare birds*' terletak di tangan Residen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kadar bayaran bagi lesen tersebut adalah sebanyak \$500 dan perlu dijelaskan kepada perbendaharaan negeri sebelum lesen dikeluarkan.⁵² Lesen ini turut disertakan dengan syarat ketat, termasuk larangan memburu selepas tempoh enam bulan tarikh lesen dikeluarkan. Sekiranya syarat ini dilanggar, Residen mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen pemburu yang ingkar, walaupun mereka telah membayar dan memiliki lesen yang sah sebelumnya. Tindakan ini, membuktikan ketegasan pihak pentadbiran kolonial dalam memulihara spesies haiwan yang jarang ditemui atau terancam. Namun begitu, pengurangan bayaran lesen telah diberikan kepada individu atau institusi yang memohon lesen bagi tujuan penyelidikan zoologi. Justeru itu, individu yang bergiat aktif dalam eksplorasi haiwan di hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk tujuan perkembangan ilmu zoologi ialah H.C. Robinson⁵³ dan Isabella Bird.⁵⁴ Manakala bagi insitisi ialah muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang bertanggungjawab terhadap perkembangan ilmu zoologi.⁵⁵

Usaha pemuliharaan spesies burung yang semakin berkurangan telah mendapat perhatian pihak kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Keprihatinan ini mendorong pihak berkuasa untuk memperketatkan kawalan terhadap aktiviti pemburuan, terutamanya terhadap burung yang jarang ditemui. 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1921' serta 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1925' telah memperluas kandungan

51 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1922, No. 2, Vol XIV.

52 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the wild Animlas and Birds Protection 1921. January 20, 1926, No. 3, Vol XVIII.

53 Herbert C. Robinson, *Birds of the Malay Peninsula, South of the Isthmus of Kra*, Federated Malay State Government Printing Office: Kuala Lumpur, 1910. H.C. Robinson merupakan saintis dalam bidang zoologi. Beliau banyak melakukan ekspedisi di hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk melakukan penyelidikan saintifik terhadap haiwan khususnya burung.

54 Isabella Bird, *The Golden Chersonese, A 19th-Century English Woman's Travels in Singapore and The Malay Peninsula*, Monsoon Books Pte Ltd, Singapore, 2010. Hlm 25.

55 Leonard Wray Jr merupakan Pengarah Insitisi Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang bertanggungjawab mengembangkan ilmu zoologi kolonial. Leonard Wray Jr.

daripada 'Enakmen 1911' dengan memperkenalkan peraturan tambahan berkaitan permohonan lesen memburu burung yang jarang ditemui 'rare birds'. Justeru itu, larangan menembak burung-burung ini diperkenalkan bagi tujuan memelihara spesies burung yang semakin sukar ditemui. Tambahan pula, burung-burung ini sering menjadi sasaran pemburu profesional kerana memiliki ciri fizikal yang menarik.⁵⁶ Bulu burung yang berwarna-warni sering dijadikan bahan hiasan di kediaman golongan Eropah, selain digunakan sebagai aksesori pada pakaian. Oleh itu, demi mengawal ancaman terhadap spesies burung tersebut, pihak berkuasa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah menambah baik undang-undang berkaitan pemburuan burung yang jarang ditemui.

Pemuliharaan burung yang jarang ditemui dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang yang menetapkan hukuman denda bagi kesalahan memburu tanpa kebenaran. Buktinya, individu yang menembak burung yang jarang ditemui 'rare birds' atau memusnahkan telur burung tanpa lesen, terutamanya ketika musim pembiakan, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$25.⁵⁷ Justeru itu, burung yang diklasifikasikan sebagai 'rare birds' merujuk kepada spesies yang baru ditemui atau yang semakin sukar dikesan di habitat asalnya. Pada tahun 1923, burung merak dikenal pasti sebagai salah satu spesies yang terancam kerana menjadi sasaran pemburu profesional. Hal ini berlaku kerana, bulu pelepah burung merak yang berwarna-warni mendapat permintaan tinggi di Eropah untuk dijadikan perhiasan rumah dan aksesori pakaian. Sehubungan dengan itu, Sebagai langkah pemuliharaan, kerajaan telah mengenakan peraturan khusus pada tahun 1923, iaitu mana-mana pemburu yang mengeksport kulit atau bulu burung merak dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu akan dikenakan denda tidak melebihi \$50.⁵⁸ Selain burung merak, spesies seperti burung rajawali dan burung raja laut turut dilindungi kerana bilangan populasi burung ini di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah amat terhad.⁵⁹

Seterusnya, pemuliharaan spesies burung yang jarang ditemui dilaksanakan bagi mengekalkan habitat semula jadi serta memastikan kelangsungan populasi haiwan tersebut. Sehubungan itu, penguatkuasaan undang-undang memburu telah dijalankan sebagai langkah utama. Sebagai contoh, setiap pemegang lesen diwajibkan untuk melaporkan kepada Pegawai Lesen sekiranya mereka sendiri melanggar syarat lesen atau menyedari pelanggaran yang dilakukan oleh pemburu lain. Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk melindungi spesies terancam, tetapi juga untuk menyokong pembangunan taman zoologi di seluruh empayar British. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyelidikan, beberapa spesies burung yang jarang ditemui iaitu burung merak, rajawali, raja laut '*Caloperdix oclea*', '*Upupa indica*', '*Anthus maculatus*', dan '*Phylloscopus superciliosus*' telah diburu secara terkawal oleh pegawai British dan pegawai muzium. Burung-burung ini kemudiannya dihantar ke Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk tujuan kajian dan pengembangan ilmu zoologi.⁶⁰ Hasil daripada

56 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1922, No. 2, Vol XIV.

57 *Ibid.*

58 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 11, 1924, No. 2, Vol XVI.

59 Secretariat Selangor 1414/1923, Prohibition of the Shooting of Pea-Fowl and Jungle-Fowl Under the 'Wild Animals and Birds Protection Enactment 1921'. (ANM 1957/0225311).

60 C.O. 576/32, Federated Malay States, Report on the Museum Department for the Year 1926, (PTSL MF 304 Gul.32).

usaha ini, pelbagai penyelidikan mengenai anatomi, tingkah laku dan habitat burung telah dijalankan, dan penemuan tersebut diterbitkan dalam jurnal sejarah alam semula jadi oleh tokoh seperti Mr. J.R. Malloch, Mr. H.E. Andrewes dan Professor T.D.A. Cockerell. Sementara itu, Mr. H.C. Robinson, selaku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, telah menghimpunkan koleksi spesimen mamalia dan burung yang diburu untuk dijadikan sumber utama dalam penerbitan buku mengenai fauna di Tanah Melayu.⁶¹

Pada peringkat awal, pemuliharaan fauna di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dilaksanakan melalui kuasa yang diperuntukkan kepada Residen, khususnya dalam menetapkan larangan terhadap aktiviti menembak atau mengambil mana-mana haiwan dan burung di kawasan tertentu. Buktinya, pada tahun 1932, Residen Perak iaitu Sir Geoffrey Edmund Cator telah mengeluarkan larangan memburu, membunuh, atau menangkap beberapa spesies Siamang '*Hylobates syndactylus*', Ungka '*Hylobates lar*' dan 'genus *Hylobates*'. Larangan ini dikuatkuasakan selepas Residen mendapati bilangan haiwan tersebut semakin berkurangan dan sukar ditemui. Sehubungan itu, perintah larangan tersebut bertujuan memulihara spesies yang diancam kepupusan.⁶² Selain itu, pada tahun 1922, beberapa spesies burung turut dipulihara demi mengekalkan kelangsungan hidupnya, termasuk burung tekukur atau balam, merbok, ketitir, dan tekukur jarum.⁶³ Seterusnya, kuasa Residen turut digunakan untuk menetapkan kawasan larangan memburu di wilayah-wilayah tertentu. Buktinya pada tahun 1931 sehingga 1933, Residen Selangor iaitu Theodore Samuel Adams telah mengisytiharkan larangan memburu di beberapa kawasan iaitu Kuala Lumpur, Ulu Langat, Petaling dan Cheras. Kawasan larangan ini meliputi keluasan 99 ekar, termasuk sempadan Barat Utara 'Lot 1,627 dan Lot 1,098' di Kuala Lumpur. Larangan tersebut turut merangkumi Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh serta Lot 1,345 dan Lot 1,058 di Cheras, yang melibatkan kawasan Selatan dan Barat Daya rizab jalan Cheras-Pudu.⁶⁴ Larangan ini mula berkuat kuasa pada tahun 1932 melalui arahan rasmi Residen Selangor.⁶⁵ Tujuan utama penguatkuasaan ini adalah untuk mengawal populasi haiwan liar daripada ancaman pemburuan haram serta memastikan pemuliharaan habitat semula jadi haiwan.

Larangan Memburu Semasa Musim Pemiakan Haiwan.

Pemuliharaan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu turut dilaksanakan melalui larangan memburu semasa musim pemiakan haiwan. Pada tempoh tersebut, aktiviti pemburuan

60 C.O. 576/32, Federated Malay States, Report on the Museum Department for the Year 1926, (PTSL MF 304 Gul.32).

61 MUS 6/28 Requests Museums Annual Report for the Year 1927. (ANM 1927/0646281)

62 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. January 15, 1932, No. 2, Vol XXIV

63 Federated Malay States Enactment No. 22 of 1923. An Enactment to amend "The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921," and "The Forest Enactment, 1918." Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 19, 1924, No. 2, Vol. XVI.

64 Wild Life Preservation, Malaya. The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925. 1931-1933 (ANM 2006/00208450)

65 Spesies haiwan yang dilarang memburu di kawasan yang ditetapkan oleh Residen Selangor pada tahun 1932 ialah rusa, kijang, napoh, plandok, kuau, kuang, merah mata, siul-ayam-hutan, sintar punai, pergam, tekukur, bayan, tanau, serindet, tiong, tiong-blachan, murai, bangau, Puchong, berek-berek, raja udang, tukang besi, belatok, murai gila, murai rimba, kelichap, burung tukang, laying-layang.

dihentikan bagi melindungi populasi haiwan daripada ancaman kepupusan. Hal ini demikian kerana, pemburuan semasa haiwan sedang membiak boleh menjejaskan kelangsungan spesies dan mengganggu keseimbangan ekosistem. Sehubungan itu, penutupan musim memburu akan dilaksanakan oleh Residen dengan kelulusan Ketua Setiausaha Kerajaan. Langkah ini merupakan antara usaha kerajaan kolonial untuk mengawal aktiviti pemburuan secara sah dan tersusun. Tambahan pula, pemuliharaan haiwan turut diperkukuh dengan penguatkuasaan undang-undang yang menetapkan kadar denda terhadap pesalah. Bukti jelas dapat dilihat melalui penguatkuasaan ‘Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911’, yang telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan. Enakmen ini memperuntukkan denda tidak melebihi \$100 kepada individu yang membunuh, menembak atau menjerat rusa dan denda tidak melebihi \$500 bagi kesalahan memburu haiwan mamalia dan reptilia serta denda tidak melebihi \$5 bagi burung yang diburu selepas tamat musim pemburuan, iaitu ketika musim pembiakan.⁶⁶ Penutupan musim pemburuan bermakna tibanya waktu pembiakan haiwan. Justeru itu haiwan akan berkerumun di kawasan tertentu untuk tujuan mengawan. Keadaan ini menjadikan mereka sasaran mudah kepada pemburu. Oleh itu, pemburuan pada musim tersebut bukan sahaja mengancam populasi haiwan, malah turut memusnahkan habitat semula jadi mereka. Walau bagaimanapun, peraturan turut menetapkan bahawa tempoh pemburuan dalam setahun tidak boleh melebihi enam bulan. Larangan ini digubal dalam enakmen sebagai satu lagi usaha untuk mengawal aktiviti pemburuan secara berterusan dan memastikan masa yang mencukupi untuk pemulihan populasi haiwan liar.⁶⁷

Selain itu, penutupan musim memburu telah diklasifikasikan kepada dua kategori utama, iaitu penutupan mengikut seluruh negeri dan penutupan mengikut jenis haiwan. Bagi penutupan musim memburu mengikut jenis haiwan dapat dilihat pada tahun 1929 dimana beberapa spesies burung iaitu merpati hijau, burung punai tanah, burung berkok dan burung lengguk telah dilarang daripada diburu bermula 1 Disember hingga 31 Mei setiap tahun. Larangan ini dilaksanakan bagi melindungi spesies burung tersebut semasa musim pembiakan, sekali gus membantu usaha pemuliharaan populasi burung liar. Sementara itu, penutupan musim memburu bagi seluruh negeri pula dilaksanakan melalui pengisytiharan rasmi oleh pihak Residen. Buktinya, pada tahun 1929, Residen Selangor iaitu Charles Walter Hamilton Sutton telah mendapatkan kelulusan dari Ketua Setiausaha Kerajaan untuk mengisytiharkan penutupan musim memburu di seluruh Negeri Selangor. Penutupan ini melibatkan spesies merpati hijau, burung punai tanah, berkok dan burung lengguk-bermula dari 1 Januari hingga 15 Ogos 1929. Justeru itu, penutupan musim memburu yang menandakan bermulanya musim pembiakan haiwan merupakan usaha kolonial terhadap pemuliharaan hidupan liar.⁶⁸

Seterusnya, penutupan musim memburu bagi rusa Sambar ‘*Cervus unicolor*’ dan kijang atau menjangan ‘*Cervulus muntjac*’ telah bermula pada 1 Januari hingga 31 Julai setiap tahun, selepas ia diwartakan secara rasmi pada 21 Julai 1922. Pada tahun yang sama, penutupan musim memburu turut dikenakan terhadap spesies burung belibis ‘*Dendrocygna javanica*’, itik air ‘*Nettopus coromandelianus*’ dan itik angsa ‘*Asarcornis scutulatus*’, bermula dari 1

66 Game Protection, Pinang Gazette and Straits Chronicle, 18 November 1911.

67 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.

68 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. July 1, 1929, No. 14, Vol XXI.

Mei hingga 31 Julai setiap tahun.⁶⁹ Selain itu, pada tahun 1933, penutupan musim memburu di Negeri Selangor telah dikenakan bagi spesies burung meragi '*Rostratula capensis*' dan burung berkek '*Gallinago gallinago*', bermula 1 Mei hingga 14 September. Penutupan musim memburu ini secara langsung menandakan bermulanya musim pembiakan bagi haiwan-haiwan tersebut, di mana mereka lebih aktif dalam proses mengawan dan bertelur. Pada waktu ini, haiwan cenderung berkerumun di kawasan tertentu, menjadikan mereka lebih terdedah kepada ancaman pemburuan. Justeru itu, penutupan musim memburu sama ada mengikut negeri atau mengikut spesies haiwan merupakan salah satu usaha pihak kolonial dalam melaksanakan pemuliharaan haiwan liar. Hal ini demikian kerana, jika aktiviti pemburuan tidak dikawal semasa musim pembiakan, ia akan mengancam kelangsungan habitat dan populasi haiwan.⁷⁰

Kesimpulan

Kesimpulannya, 'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung' yang diperkenalkan pada tahun 1911, 1921 dan 1925 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertujuan untuk mengawal aktiviti pemburuan haram serta melindungi populasi dan ekosistem haiwan liar. Undang-undang ini merangkumi larangan memburu tanpa izin, penghadkan jumlah tangkapan, penetapan musim memburu, serta larangan memburu terhadap spesies haiwan yang diancam kepupusan seperti badak sumbu dan seladang. Justeru itu, penguatkuasaan undang-undang ini dijalankan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan, di mana setiap peraturan lazimnya dicadangkan oleh Residen negeri dan kemudian diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan. Selain daripada melindungi spesies haiwan, perundangan ini juga menggambarkan kepentingan British terhadap bidang zoologi, khususnya untuk tujuan penyelidikan. Haiwan liar yang dilindungi turut dijadikan bahan kajian saintifik atau hadiah kepada golongan bangsawan dan pegawai tinggi Eropah. Tambahan pula, undang-undang ini digubal apabila hobi memburu dalam kalangan pegawai kolonial mula berkembang menjadi aktiviti perdagangan. Permintaan terhadap anggota-anggota haiwan seperti kulit burung, bulu pelepah, kepala seladang, gigi harimau, kulit buaya dan kulit biawak meningkat kerana dianggap sebagai lambang status, kekuasaan, dan dijadikan barang perhiasan oleh masyarakat Eropah. Justeru itu, bagi mengawal populasi haiwan liar serta mengelakkan kepupusan akibat pemburuan tanpa kawalan, enakmen-enakmen yang diperkenalkan pada tahun 1911, 1921 dan 1925 telah digubal untuk menjaga kepentingan zoologi empayar kolonial dan memastikan pemeliharaan serta pemuliharaan hidupan liar secara terancang.

69 Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. February 24, 1922, No. 5, Vol XIV.

70 Wild Life Preservation, Malaya, The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925. 1931-1933, August, 1934. (ANM 2006/0020845).

Rujukan

- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the Year 1931.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People for the Year 1933.
- C.O 717/ 104 Federated Malay States Big Game in Malaya (PTSL MF 23 Gul 104).
- C.O. 576/11 Federated Malay States, Report on the Police Force the Year 1913, (PTSL MF 304 Gul 11.).
- C.O. 576/32, Federated Malay States, Report on the Museum Department for the Year 1926, (PTSL MF 304 Gul.32).
- C.O. 576/6 Federated Malay States, Annual Report for the Year 1919, (PTSL MF 304 Gul. 6)...
- Federated Malay States Enactment No. 22 of 1923. An Enactment to amend “The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921,” and “The Forest Enactment, 1918.” Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 19, 1924, No. 2, Vol. XVI.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 20, 1922, No. 2, Vol XIV.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1921. January 11, 1924, No. 2, Vol XVI.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1925, No. 3, Vol XVIII.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII..
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1929. July 1, 1929, No. 14, Vol XXI.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1931. April 17, 1931, No. 8, Vol XXI.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1925. January 15, 1932, No. 2, Vol XXIV.
- Game Protection, Pinang Gazette and Straits Chronicle, 18 November 1911..
- HCO 627/1938 Permits for Hunting and Trapping of Birds and Animals and Information for Importing Firearms into Malay States. (ANM 1957/0613791).
- Herbert C. Robinson, 1910, Birds of the Malay Peninsula, South of the Isthmus of Kra, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office.
- Isabella Bird, 2010, The Golden Chersonese, A 19th-Century English Woman’s Travels in Singapore and The Malay Peninsula, Singapore: Monsoon Books Pte Ltd.
- MUS 6/28 Requests Museums Annual Report for the Year 1927. (ANM 1927/0646281)..
- Proceeding of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1911: The Wild Animals and Birds Protection Enactment 1911. (PTSL MF 103 Gul 1.)
- Salt licks-medicine for the animals, The Straits Times 24 April, 1955.
- Secretariat Selangor 1414/1923, Prohibition of the Shooting of Pea-Fowl and Jungle-Fowl Under the ‘Wild Animals and Birds Protection Enactment 1921’. (ANM 1957/0225311).
- Secretariat Selangor 1751/1930 Report on the Forest Administration for the Year 1928 (ANM 2006/0265735)..
- Secretariat Selangor 1831/1929 Suggested Inclusion in the Proposed revision off “The Wild Animals and Birds Protection Enactment 1925” Sections Regarding the Shooting of (ANM 1957/0259758).
- Secretariat Selangor 1914/1929, Permission to Destroy One or the Whole there Remaining Elephants in the Sungai Buloh and Cheraka Reserve (ANM 1957/0258420).
- Secretariat Selangor 3377/1920, Big game and Deer Enactment. (ANM 1957/0211178).

- Secretariat Selangor 3737/1927, Complaint by the manager, Sapintas Government Plantation, Sabak Bernam, Damage Done by Elephants in May and June 1927. (ANM 1957/0249327).
- Secretariat Selangor 757/1931, Memorandum by the British Resident, Pahang Regarding of the Wild Animals and Birds Protection Enactment, together with those of the Rules, Regulations and Orders Thereunder. (ANM 1957/0271219).
- Selangor Annual Report for the Year 1932.
- The Administration of the Police Force for the Year 1934.
- Wanton Slaughter, The Straits Budget 18 April 1929.
- Wild Life Inquiry in Pahang, The Straits Times 19 February 1931.
- Wild Life Preservation, Malaya, The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925. 1931-1933, August, 1934. (ANM 2006/0020845).